



03 APR, 2025

## Polis panggil kontraktor korek tanah



Sinar Harian, Malaysia

Page 1 of 2


# SIASATAN BESAR-BESARAN

■ Sebanyak 20 agensi mula digerakkan pada Rabu untuk menjalankan siasatan menyeluruh, melakukan tindakan susulan dan pemeriksaan tahap keselamatan di lokasi kebakaran saluran paip gas di Jalan Putra Harmoni, Putra Heights di Subang Jaya.

■ Ketua Polis Daerah Subang Jaya, Asisten Komisioner Wan Azlan Wan Mamat berkata, pihaknya juga akan memanggil kontraktor yang menjalankan projek pembangunan berhampiran lokasi kejadian susulan dakwaan kebakaran itu dikatakan berpunca daripada kerja-kerja pengorekan di kawasan rizab Petronas.

■ Sementara itu, penduduk terlibat menuntut siasatan telus bagi mengenal pasti punca sebenar kejadian termasuk dakwaan terdapat kerja-kerja pembinaan dan kewujudan jentera pengorek di kawasan larangan milik Petronas tersebut beberapa hari sebelum tragedi berlaku.

MUKA 2, 3, 4, 5 & 6



Tan Sri Syed Zainal Abidin Syed Mohamed Tahir yang juga bekas jurutera Petronas mendedahkan paip gas boleh bertahan selama 50 tahun, kebanyakan insiden berpunca daripada pencerobohan



03 APR, 2025

## Polis panggil kontraktor korek tanah



Sinar Harian, Malaysia

Page 2 of 2

# Polis panggil kontraktor korek tanah

Siasatan insiden kebakaran paip gas di Putra Heights libat 20 agensi

#### SUBANG JAYA

Dalam tempoh 24 jam selepas kebakaran saluran paip gas di Jalan Putra Harmoni, Putra Heights, Subang Jaya berjaya dipadamkan sepenuhnya pada 3.45 petang Selasa, sebanyak 20 agensi mula digerakkan pada Rabu untuk melaksanakan siasatan dan pemeriksaan tahap keselamatan di lokasi kejadian.

Antara agensi yang terlibat ialah Polis Diraja Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Tenaga Nasional Berhad (TNB), Jabatan Kerja Raya, pihak berkuasa tempatan serta pejabat daerah di kawasan terlibat.

Ketua Polis Subang Jaya, Asisten Komisioner Wan Azlan Wan Mamat berkata, satu taklimat diadakan bersama semua agensi terlibat bagi menjalankan

siasatan dan tindakan susulan di lokasi kejadian.

Beliau juga tidak menolak kemungkinan akan memanggil pihak kontraktor yang melakukan kerja pengorekan tanah dan dikatakan menjadi punca kebakaran saluran paip milik Petronas Gas Bhd tersebut.

"Setakat ini kontraktor itu belum dipanggil, kita masih dalam siasatan terutama untuk mengenal pasti kontraktor terbabit. "Kita perlu merujuk kepada pihak majlis (Majlis Bandaraya Subang Jaya) dan Petronas adalah ada dikeluarkan permit untuk kontraktor itu berada di zon saluran gas itu," katanya dalam sidang akhbar di Pos Kawalan Tempat Kejadian (PKTK) di sini pada Rabu.

Ujarnya, setelah dikenal pasti, polis akan memanggil kontraktor itu untuk diambil keterangan.

Sejak Selasa, tular dakwaan di media sosial punca kejadian kebakaran dikaitkan dengan pihak kontraktor yang melakukan kerja pengorekan tanah berhampiran lokasi terbabit.

Dalam kebakaran selama

lebih tujuh jam bermula 8.10 pagi itu, api marak setinggi lebih 30 meter dengan suhu dianggarkan mencapai 1,000 darjah Celsius, menyebabkan kerosakan besar harta benda termasuk rumah dan kenderaan penduduk. Situasi di situ seolah-olah tidak ubah seperti medan perang.

Kebakaran tersebut meninggalkan kesan yang ketara, dengan membentuk sebuah kawah sedalam 32 kaki manakala masih terdapat kebakaran kecil di beberapa buah rumah sehingga pagi Rabu.

Susulan itu, Wan Azlan berkata, hanya penduduk di kawasan yang kurang terjejas dibenarkan masuk untuk mengambil barang keperluan dan dokumen penting dengan dilirungi pasukan.

Sementara itu, Ketua Pengarah JBPM, Datuk Nor Hisham Mohamad berkata, pihaknya telah menghantar pasukan penyiasat untuk melakukan pemeriksaan di dalam kawasan kawah yang terbentuk.

Menurutnya, pasukan itu turut membabitkan pegawai Petronas, Jabatan Keselamatan dan Kesehatan Pekerjaan (JKKP) serta Jabatan Mineral dan



WAN AZLAN



Letupan paip gas di Putra Heights pada Selasa membentuk kawah sedalam 32 kaki selain menyebabkan kerosakan besar harta benda.

Geosains Malaysia (JMG).

"Kita juga telah hantar pasukan daripada Petronas untuk berada di lokasi keempat-empat injap saluran paip gas bagi memantau secara manual sama ada masih wujud atau tidak tekanan gas. Proses ini dibuat secara berterusan selama 24 jam," katanya.

Beliau berkata, Petronas turut menempatkan pegawai dan alat pengesanan di kawasan ground zero bagi mengesan kemungkinan gas masih wujud.

Tambah beliau, pihaknya juga sudah memulakan usaha untuk membuat penaksiran kerugian ke atas rumah dan kendaraan yang terjejas.



KESAN KEMUSNAHAN	
<b>529</b>	MANGSA DITEMPATKAN DI DUA PPS
<b>111</b>	MANGSA DIRAWAT DI HOSPITAL, 13 DI ZON MERAH
<b>235</b>	RUMAH DAN PREMIS TERBAKAR ATAU TERJEJAS
<b>399</b>	KENDERAAN TERBAKAR ATAU TERJEJAS